

SERANTA AWAM ATAS TALIAN BIL 5/2023

**CADANGAN PINDAAN
PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PPM) 1985**

1. Pindaan Peraturan 26 Nutrien yang ditambah bagi memasukkan semula subperaturan (6) yang telah dikeluarkan sebelum ini (P.U. (A) 209/2020)

Peraturan 26. Nutrien yang ditambah

(5A) Tiap-tiap bungkusan yang mengandungi makanan yang telah ditambah asid amino, asid lemak, nukleotida atau komponen makanan yang lain, hendaklah dilabel dengan —

(a) nama asid amino, asid lemak, nukleotida atau komponen makanan yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditambah pada makanan itu; dan

(b) amaun asid amino, asid lemak, nukleotida atau komponen makanan yang lain yang ditambah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang terkandung dalam suatu kuantiti tertentu makanan itu.